



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

GURU DIHARGAI, BELIA DISANTUNI

Tarikh Dibaca:

**18 ZULKAEDAH 1446H /
16 MEI 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قَامَ إِلَى الْمَسْجِدِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

GURU DIHARGAI, BELIA DISANTUNI

16 MEI 2025 / 18 ZULKAEDAH 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا

قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ

بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾ المجادلة [11]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kehidupan kita sentiasa dalam naungan rahmat Allah SWT. Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberikan tumpuan seketika kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di ruang zikrullah di dalam masjid ini, tetapi minda dan jiwa masih leka dengan urusan dunia. Khutbah pada hari ini bertajuk: **“Guru Dihargai, Belia Disantuni”**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hari ini 16 Mei, dan saban tahun pada tarikh ini kita menzahirkan apresiasi terhadap insan-insan istimewa yang banyak berjasa dalam perjalanan ilmu kita. Mereka ialah para guru yang telah banyak berjasa dalam membentuk pemimpin negara, hakim-hakim, para pemikir, peniaga, dan kita semua yang telah berjaya pada hari ini. Dengan bertemakan **“Guru Pemacu Reformasi Pendidikan”**, ia menyentuh peranan besar yang dipikul oleh golongan pendidik dalam membentuk generasi masa depan.

Islam sejak awal telah mengangkat darjat para guru dan pendidik. Rasulullah SAW yang dilantik untuk membimbing umat manusia terkadang membahasakan dirinya sebagai “guru”. Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah *radhiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَبْعَثْنِي مُعْتَصًا وَلَا مُتَعْتًا، وَلَكِنْ بَعَثَنِي مُعَلِّمًا مُيسِّرًا

*“Sesungguhnya Allah tidak mengutusku sebagai orang yang menyusahkan atau mempersulit, tetapi Dia mengutusku sebagai seorang **guru yang memudahkan**”.*

(Sahih Muslim)

Ini menunjukkan bahawa tugas mendidik adalah tugas kenabian. Guru bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi memimpin hati dan membentuk akhlak.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Guru juga berperanan sebagai ejen perubahan dan pemacu reformasi pendidikan. Dalam zaman yang penuh cabaran dan persaingan global ini, sistem pendidikan negara memerlukan anjakan paradigma dan anjakan itu hanya dapat digerakkan oleh guru yang berdaya fikir, berdaya cipta dan berjiwa besar dan tidak lupa juga sokongan padu daripada para ibu dan bapa.

Guru bukan sekadar penyampai silibus, tetapi pencorak masa depan. Kemajuan sesebuah bangsa sangat bergantung kepada kualiti pendidikannya. Manakala pendidikan pula sangat bergantung kepada kualiti guru. Maka para guru perlu sentiasa menambah ilmu dan kemahiran terutamanya dengan perubahan teknologi yang semakin canggih maka memerlukan kemahiran baharu yang relevan dengan keperluan semasa. Para guru juga perlu membimbing pelajar dengan nilai, etika dan sahsiah yang tinggi. Diri guru itu

sendiri menjadi contoh rujukan kepada para pelajar. Jika baik contoh teladannya, maka baiklah rujukan kepada para pelajar.

Pendidikan bukan sekadar soal peperiksaan dan pencapaian akademik, tetapi usaha membina insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Maka pendidikan secara holistik menjadi satu keperluan di sekolah selepas pendidikan di rumah.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Peranan para guru juga berkait rapat dengan pembentukan belia yang teguh jasmani, rohani, mental dan spiritualnya. Didikan sejak dini membentuk tapak asas jati diri yang kukuh dalam diri seseorang yang mana keteguhan tapak inilah yang membantu menepis segala macam anasir dan dakyah buruk yang menyerang segenap segi masyarakat pada hari ini. Para belia perlu dipersiapkan dengan akidah yang mantap, adab yang kemas, ilmu yang secukupnya dan mental yang cekap dalam menghadapi segala macam cabaran. Hal ini kerana, golongan belia inilah yang nanti akan mengambil alih kepimpinan dan pengurusan negara ini. Jika mereka tidak disiapkan secukupnya pada hari ini, bagaimana nanti mereka hendak mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara tercinta ini?

Lihat bagaimana al-Quran merakamkan kisah tentang cadangan salah seorang anak perempuan Nabi Syu'aib kepada ayahnya agar mengambil Nabi Musa sebagai pekerja, berdasarkan sifat-sifat terpuji yang dimilikinya.

﴿قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ﴾

*“Salah seorang daripada perempuan itu berkata: ‘Wahai ayahku! Ambillah dia bekerja (dengan kita), sesungguhnya orang yang paling baik yang engkau ambil bekerja ialah orang yang **kuat** lagi **amanah**’.*

Dua ciri utama yang perlu ada pada seseorang untuk diberi tanggungjawab atau jawatan ialah kekuatan (kompetensi) dan amanah (integriti). Kekuatan merujuk kepada kemampuan fizikal, mental, dan kemahiran dalam melaksanakan tugas, manakala amanah merujuk kepada kejujuran, kepercayaan, dan tanggungjawab dalam menjalankan amanah yang diberikan. Kedua-dua ciri ini sangat perlu dimiliki oleh setiap orang kerana

kita tahu bahawa setiap orang memiliki tanggungjawab dan amanah yang perlu digalas dan akan dipersoalkan di akhirat kelak.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Kita sedar bahawa dunia berubah dengan pesatnya. Maka kita tidak boleh sekadar menumpang dalam arus perubahan sehingga hanyut meninggalkan adat dan syariat, sebaliknya kita perlu menjadi ejen pencetus perubahan ke arah yang lebih baik. Dengan ilmu yang benar, insya-Allah kita akan dapat membawa diri kita menelusuri arus perubahan dengan bijak, mengurus mental dengan berlandaskan kehendak syarak dan mengurus tadbir dengan integriti dan kompeten.

Justeru mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita melihat kepada beberapa isi penting yang saya ingin ingatkan kembali kepada saudara-saudara sekalian;

Pertama: Tugas mendidik bukanlah suatu tugas mudah. Bahkan ia termasuk dari salah satu tugas para nabi terdahulu terutama dalam mengajar umat manusia mengenal kebenaran dan jalan menuju Allah SWT.

Kedua: Guru berperanan sebagai ejen perubahan dan pemacu reformasi pendidikan. Sokongan dari ibu bapa juga membantu menjayakan agenda reformasi pendidikan ke suatu tahap yang mampu melahirkan pelajar yang berakhlak mulia, memiliki ilmu dan kemahiran yang mencukupi.

Ketiga: Sentuhan para guru turut memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan belia yang teguh akidahnya, mulia akhlakunya, berilmu dan berkemahiran serta kuat mentalnya dalam menghadapi pelbagai bentuk cabaran dan perubahan zaman.

Renungkan firman Allah SWT dari Surah Faatir ayat 19-21 ini:

﴿وَمَا يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ ﴿١٩﴾ وَلَا الظُّلُمَاتُ وَلَا النُّورُ ﴿٢٠﴾ وَلَا الظِّلُّ وَلَا
الْحَرُورُ ﴿٢١﴾﴾

Maksudnya: “Dan tidaklah sama orang buta dengan orang yang melihat. Dan tidaklah sama gelap-gelita dengan cahaya yang terang-benderang, Dan tidaklah sama suasana yang teduh dengan yang kencang panasnya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ اَكْخُوعْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكْخُوعْ، رَاجِ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.